



Pelajar UiTM menunjukkan kad keahlian MYAGROSIS yang membolehkan pelajar **mendapatkan pinjaman mudah apabila menamatkan pengajian.**

Konvensyen pertanian pemimpin pelajar IPT

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menganjurkan Konvensyen Jaminan Bekalan Makanan Negara kepada pemimpin pelajar institusi pengajian tinggi (IPTA/IPTS) dan Institusi Latihan Pertanian (ILP) di Dewan Serbaguna Wisma Tani.

Konvensyen sehari itu dirasmikan Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Tan Sri Dato' Paduka Haji Badruddin Amirudin itu adalah program Strategi Lautan Biru antara MOA dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertujuan memberi pendedahan mengenai kepentingan Jaminan Bekalan Makanan Negara kepada pelajar kampus melalui penjelasan secara lebih terperinci Dasar Agromakanan Negara 2011-2020.

Selain itu, konvensyen ini juga menjadi platform terbaik dalam memasarkan Keusahawanan Tani kepada golongan muda dan menarik minat mereka terhadap kerjaya dalam sektor pertanian.

Konvensyen sehari ini diisi dengan pelbagai acara, termasuk pameran jabatan dan agensi di bawah MOA serta Bengkel My Expectation oleh pelajar IPTA/IPTS dan ILP.

Pada sebelah malam berlangsung Majlis Penutup dan Jamuan Makan Malam yang dihadiri Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar. Dalam acara itu diadakan dua sesi menandatangani MOU antara MOA dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Agrobank.

MOU antara MOA, UPM

MOU antara MOA dan UPM bertujuan memperbaharui kerjasama projek penyelidikan berdasarkan kepada Pelan Tindakan Dasar Agromakanan Negara (PTDAN) 2011-2020 dengan harapan memperluaskan lagi jaringan kerjasama yang sedia ada. MOU ini ditandatangani Ketua Setiausaha MOA, Datuk Mohd Hashim Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri

dan Masyarakat) UPM, Prof Ing Ir Dr Regunanth Varatharajoo.

Manakala MOU bersama Agrobank dengan MOA menerusi Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC) akan menyediakan kemudahan perkhidmatan perbankan kepada graduan lepasan pusat bertauliah latihan kemahiran pertanian kendalian MOA dan juga ahli kelab MYAGROSIS.

MOU ini ditandatangani Ketua Setiausaha MOA dan Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Datuk Wan Mohd Fadzmi Wan Othman.

Perbelanjaan import

Sementara itu, Badaruddin berkata, kerajaan yakin dapat menurunkan perbelanjaan import bahan makanan sehingga 10 peratus setahun sekiranya golongan petani di Malaysia beralih daripada kaedah pertanian tradisi dan sara diri kepada sistem berskala besar dan teknologi moden.

Beliau berkata, penubuhan Kelab Usahawan Siswazah Tani (MYAGROSIS) diharap dapat mengubah persepsi generasi muda, terutama pelajar IPT dan ILP terhadap bidang pertanian yang dianggap tidak menguntungkan atau tiada jaminan masa depan.